


SULIT
3766/2
PERNIAGAAN
KERTAS 2
MASA 2 ¼ JAM



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG

MODUL LATIHAN BERFOKUS KBAT SPM 2020

PERNIAGAAN

KERTAS 2

2 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C*
2. *Jawab lima soalan di Bahagian A, dua soalan daripada Bahagian B dan satu soalan wajib dalam Bahagian C*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas tulis yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Bahagian A

[50 markah]


Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Jelaskan secara ringkas tujuan perniagaan. [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

Ahmad merupakan seorang penjual air tebu di kawasan perumahan Taman Desa Mutiara. Beliau menguruskan perniagaan secara sendirian. Masa operasi bermula dari 10.00 pagi sehingga jualannya habis. Kebanyakan pelanggannya terdiri daripada penduduk kawasan tersebut.

- (i) Apakah jenis pemilikan perniagaan tersebut? [1 markah]
- (ii) Apakah kelebihan milikan perniagaan di 1(b)(i). [5 markah]

- 2 (a) Rajah 1 di bawah ini menunjukkan suatu masalah ekonomi di sebuah negara.



Rajah 1

Berikan **dua** faktor yang menyebabkan berlakunya masalah tersebut pada tahun 2020. [2 markah]

- (b) Nyatakan peranan kerajaan pusat dari aspek perlindungan pengguna [2 markah]
- (c) Terangkan **tiga** kesan sekiranya sesebuah perniagaan gagal mencapai objektif yang ditetapkan. [6 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat Encik Meow.

Encik Meow telah menubuhkan sebuah syarikat logistik yang bernama Logistik Meow Sdn. Bhd. Perniagaan beliau meliputi seluruh Malaysia. Encik Meow merupakan pengarah urusan. Beliau dibantu oleh pengurus cawangan Malaysia Barat dan Malaysia Timur iaitu Encik Lim dan Encik Naidu. Encik Lim dibantu oleh ketua unit, iaitu Pn. Salmah dan Pn. Lala. Ketua unit iaitu Encik Kuok membantu Encik Naidu dalam pengurusan perniagaan.

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki merangka struktur organisasi Syarikat Logistik Meow. [5 markah]

- (b) Situasi berikut menunjukkan perniagaan berasaskan makanan.

Puan Ain bercadang untuk mengeluarkan produk baharu iaitu jeruk berasaskan buah belimbing untuk memenuhi kehendak penduduk tempatan. Produk tersebut akan dijual di kedai runcit sekitar pekan Serdang, Kedah. Beliau juga bercadang menjual produk tersebut secara dalam talian.

Jelaskan langkah-langkah pembangunan baharu produk jeruk belimbing selepas analisis perniagaan dilaksanakan. [3 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Syafiq.

- Encik Syafiq merupakan graduan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan daripada Universiti Putra Malaysia.
- Dia sangat berminat untuk menjadi seorang pendidik.

Nyatakan kemahiran keboleherjaan yang seharusnya dimiliki oleh Encik Syafiq sekiranya dia ingin menjadi pendidik? [2 markah]

- 4 (a) Jelaskan tujuan mengurus sumber teknologi dalam sesebuah organisasi perniagaan. [2 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.


Syarikat Logistik Viva telah merancang membeli beberapa buah lori tambahan bernilai RM800 000 setelah mendapat kontrak daripada satu rangkaian pasar raya untuk menghantar barangan kepada cawangannya.

- (i) Nyatakan jenis sumber pembiayaan yang sesuai untuk membeli lori tambahan berkenaan. [1 markah]
- (ii) Berikan **tiga** kelebihan sumber pembiayaan yang anda nyatakan di 4(b)(i)? [3 markah]
- 5 (a) Huraikan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya [4 markah]
- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan penyata kewangan.

	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Kenderaan		60000
Perabot		15000
		75000
Aset Semasa		
Inventori	15000	
Penghutang	9000	
Bank	15000	
Tunai	5000	
	44000	

- (i) Namakan penyata kewangan di atas. [1 markah]
- (ii) Mengapakah dokumen di 5 (b)(i) penting kepada usahawan? [5 markah]

- 6 (a) Senaraikan prosedur perbadanan syarikat persendirian. [4 markah]
- (b) Berikan **tiga** kaedah promosi yang boleh digunakan untuk memasarkan produk. [3 markah]
- (c) Rajah 2 merupakan proses permohonan pinjaman bank.



Rajah 2

- Apakah proses yang terlibat bagi:
- (i) A
- (ii) B
- (iii) C

[3 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini

7

Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Encik Radhi.

Pada tahun 2020, Encik Radhi telah berjaya memenuhi impiannya dengan mendaftar perniagaan “Restoran Kari Itik”. Restoran ini adalah hak milik Encik Radhi sepenuhnya dengan modal permulaan sebanyak RM75,000.00 hasil tabungan selama 15 tahun. Tarikan utama “Restoran Kari Itik” adalah menu kari itik istimewa resipi turun temurun menjadikan tarikan utama pengunjung ke restoran beliau. Dalam tempoh lima bulan “Restoran Kari Itik” menjadi terkenal di seluruh negeri Pulau Pinang. Encik Radhi berharap dapat membuka cawangan di seluruh negara.

- (a) (i) Jelaskan skala perniagaan “Restoran Kari Itik” Encik Radhi pada awal pembabitan beliau dalam perniagaan. [3 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan sekiranya Encik Radhi berjaya menambah cawangannya ke seluruh negara. [6 markah]
- (b) Huraikan faktor yang akan mempengaruhi keputusan Encik Radhi menjadikan 2030 “Restoran Radhi Kari Itik” sebagai perniagaan francais Malaysia. [6 markah]

8

Berdasarkan maklumat di bawah jawab soalan-soalan berikut.

Cik Erisha Emelda merupakan graduan lepasan universiti dalam bidang pemasaran. Baru-baru ini beliau telah mendapat tawaran kerja sebagai pegawai pemasaran di sebuah syarikat kosmetik terkemuka di Malaysia. Beliau ditawarkan gaji yang sangat lumayan.

Beliau telah ditempatkan di bahagian pemasaran. Cik Erisha Emelda dibekalkan dengan perisian CRM (*Customer relationship Management*) yang dicipta oleh salah seorang pegawai ICT syarikat kosmetik tersebut untuk menguruskan kerjanya dalam bidang pemasaran.

- (a) (i) Huraikan aspek pengelolaan sumber manusia dalam situasi di atas. [5 markah]
- (ii) Terangkan faktor penentu sistem penggajian oleh sesebuah organisasi [6 markah]
- (b) Jelaskan prosedur mengurus sumber perisian CRM (*Customer Relationship Management*) yang digunakan oleh syarikat tersebut. [4 markah]

- 9 (a) Rajah di bawah ini menunjukkan salah satu saluran agihan yang boleh digunakan oleh sesebuah perniagaan.



- (i) Dengan menggunakan contoh yang sesuai, terangkan jenis produk yang sesuai diedarkan melalui saluran agihan berkenaan. [4 markah]
- (ii) Berikan kelebihan jenis saluran agihan yang digunakan kepada sesebuah perniagaan. [3 markah]
- (b) Jadual 1 menunjukkan maklumat kewangan sebuah syarikat pembuatan kasut iaitu Syarikat Teguh Sdn. Bhd

Butiran	2019 (RM)	2020 (RM)
Kos jualan	80 000	60 000
Aset semasa	75 000	50 000
Liabiliti semasa	30 000	25 000
Jumlah aset	200 000	180 000
Stok purata	18 000	15 000
Jualan bersih	150 000	130 000

Jadual 1

Hitung nisbah kecekapan bagi kedua-dua tahun tersebut. Bandingkan prestasi nisbah pusing ganti stok bagi tahun 2019 dan 2020 [8 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10

En.Emir telah menjalankan sebuah perniagaan menjual kasut di Queensbay Mall Pulau Pinang. Modal permulaan beliau adalah sebanyak RM300,000. Perniagaan beliau didaftarkan dengan kebenaran pihak syarikat induk yang beroperasi di Kuala Lumpur dengan jenama Kedai Kasut Summit. Beliau menjalankan perniagaan ini kerana beliau kurang mahir dalam pengurusan perniagaan. Pelbagai bantuan diberikan oleh syarikat induk bagi memastikan Kedai Kasut Summit mengikut piawaian yang ditetapkan.

Bagi memperkukuhkan lagi sistem operasi perniagaan Kedai Kasut Summit. En.Emir telah melantik tiga orang pekerja sebagai pembantu beliau di pihak pengurusan. Beliau melantik mereka kerana perniagaan Kedai Kasut Summit menghadapi masalah dalam pengurusan jualan dan kewangan.

Selaras dengan kemajuan teknologi maklumat,perniagaan Kedai Kasut Summit telah menggunakan pelbagai aplikasi teknologi maklumat untuk memasarkan dan meluaskan pasaran. Aplikasi yang digunakan mampu mengatasi pesaing dalam perniagaan yang sama. Pelanggan boleh memilih pelbagai jenis dan corak kasut mengikut citarasa masing-masing. Selain itu, pelanggan juga boleh membuat tempahan khas kasut yang diingini.

En.Emir berharap perniagaan Kedai Kasut Summit akan terus berkembang maju serta mencapai sasaran yang ditetapkan.

- Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:
- (a) (i) Apakah bentuk milikan perniagaan Kedai Kasut Summit? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan yang diperolehi oleh En.Emir? [6 markah]
- (b) Lakarkan struktur organisasi yang sesuai bagi Perniagaan Kedai Kasut Summit? [3 markah]
- (c) Bagaimanakah aplikasi teknologi maklumat membantu perniagaan Kedai Summit? [4 markah]
- (d) Cadangkan prosedur mengurus sumber fizikal bagi perniagaan Kedai Kasut Summit. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT